

# Tahap Amalan Kepimpinan Lestari yang Diamalkan oleh Guru Besar di Sekolah Kurang Murid (SKM) di Daerah Segamat (*The Level of Sustainable Leadership Practices Implemented by Headteachers in Small Schools in the Segamat District*)

Amutha M Krishhnan<sup>1\*</sup>, Bithy Salwana Alias<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [p144369@siswa.ukm.edu.my](mailto:p144369@siswa.ukm.edu.my)

Received: 25 January 2026 | Accepted: 1 March 2026 | Published: 1 April 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2026.8.2.36>

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan meneliti tahap amalan kepimpinan lestari dalam kalangan guru besar di sekolah kurang murid (SKM) di daerah Segamat, Johor. Dalam konteks pendidikan masa kini, kepimpinan lestari semakin diberi perhatian kerana keupayaannya memastikan kesinambungan pengurusan sekolah, kesejahteraan warga sekolah, serta keberkesanan organisasi pendidikan dalam jangka panjang. Walau bagaimanapun, kajian empirikal berkaitan amalan kepimpinan lestari di sekolah kecil, khususnya di SKM luar bandar di Malaysia, masih terhad. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menjawab objektif untuk mengenal pasti tahap amalan kepimpinan lestari guru besar di SKM SJKT di daerah Segamat. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan dengan melibatkan seramai 68 orang guru SKM SJKT sebagai responden. Instrumen soal selidik merangkumi lima dimensi kepimpinan lestari, iaitu visi dan misi, pengurusan sumber, pembangunan profesional guru, kelestarian alam sekitar sekolah, dan penglibatan komuniti. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif melibatkan min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keseluruhan amalan kepimpinan lestari adalah tinggi (min = 4.12, SP = 0.46), dengan dimensi penglibatan komuniti mencatatkan skor min tertinggi. Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang peranan guru besar SKM sebagai pemimpin lestari serta memberi implikasi terhadap perancangan latihan kepimpinan pendidikan yang lebih berfokus kepada kelestarian dan sokongan komuniti.

**Kata Kunci:** kepimpinan lestari, sekolah kurang murid, guru besar, penglibatan komuniti, kelestarian Pendidikan

**Abstract:** This study aims to examine the level of sustainable leadership practices among headmasters of under-enrolled schools (Sekolah Kurang Murid, SKM) in the Segamat district, Johor. In the context of contemporary education, sustainable leadership has received increasing attention due to its capacity to ensure the continuity of school management, the well-being of school communities, and the long-term effectiveness of educational organizations. However, empirical studies on sustainable leadership practices in small schools, particularly rural under-enrolled schools in Malaysia, remain limited. Accordingly, this study was conducted to address the objective of identifying the level of sustainable leadership practices among headmasters of Tamil under-enrolled schools (SJKT) in the Segamat district. The study employed a quantitative survey research design involving 68 SKM SJKT teachers as respondents. The questionnaire instrument comprised five dimensions of

*sustainable leadership, namely vision and mission, resource management, teachers' professional development, school environmental sustainability, and community engagement. Data were analyzed using descriptive statistics, including mean scores and standard deviations. The findings revealed that the overall level of sustainable leadership practices was high (mean = 4.12, SD = 0.46), with the community engagement dimension recording the highest mean score. In conclusion, this study contributes to a deeper understanding of the role of SKM headmasters as sustainable leaders and provides implications for the planning of educational leadership training programs with a stronger focus on sustainability and community support.*

**Keywords:** sustainable leadership, under-enrolled schools, headmasters, community engagement, educational sustainability

---

## 1. Pendahuluan

Dalam landskap pendidikan global yang semakin kompleks, kepemimpinan lestari telah muncul sebagai satu pendekatan kepemimpinan yang signifikan dalam memastikan kelangsungan dan keberkesanan sekolah dalam jangka panjang. Pendekatan ini menekankan keupayaan pemimpin sekolah untuk mengimbangi pencapaian akademik dengan pembangunan organisasi, kesejahteraan warga sekolah, serta tanggungjawab sosial dan alam sekitar. Menurut Alkhamaiseh, Bailey, dan Jarvis (2025), kepemimpinan lestari dalam pendidikan melibatkan pemikiran sistemik yang menyokong kesinambungan kepemimpinan, pembinaan kapasiti sekolah, dan pembelajaran berterusan dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Keperluan terhadap kepemimpinan sebegini menjadi semakin mendesak susulan cabaran global seperti kekangan sumber, ketidaktentuan dasar pendidikan, dan tekanan terhadap prestasi sekolah.

Kajian iantarabangsa menunjukkan bahawa amalan kepemimpinan lestari mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan sekolah dan komitmen guru. Sebagai contoh, Ertaş (2024) mendapati bahawa guru menilai tahap amalan kepemimpinan lestari pengetua isebagai tinggi dan wujud hubungan positif antara kepemimpinan lestari dengan keberkesanan sekolah. Dapatan ini menunjukkan bahawa pemimpin sekolah yang mengamalkan prinsip kelestarian berupaya mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif serta menyokong peningkatan prestasi organisasi secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, keberkesanan pelaksanaan kepemimpinan lestari sering dipengaruhi oleh konteks dan sumber yang tersedia di sekolah.

Dalam hal ini, pemimpin sekolah turut berhadapan dengan pelbagai kekangan yang menjejaskan keupayaan mereka untuk mengamalkan kepemimpinan lestari secara optimum. Kajian meta-sintesis oleh Karaköse, Özdöğru, dan Malkoç (2024) mendapati bahawa pemimpin sekolah di pelbagai negara menghadapi cabaran seperti kekurangan tenaga kerja, keterbatasan kewangan, beban pentadbiran yang tinggi, serta kuasa autonomi yang terhad. Cabaran-cabaran ini menjadi lebih ketara dalam konteks sekolah kecil yang mempunyai bilangan murid rendah dan sumber yang minimum, sekali gus menuntut pendekatan kepemimpinan yang lebih strategik dan kontekstual.

Walaupun kepemimpinan lestari semakin banyak dikaji di peringkat antarabangsa, terdapat jurang yang ketara dalam literatur berkaitan amalan kepemimpinan lestari di sekolah kurang murid, khususnya dalam konteks Malaysia. Kebanyakan kajian sedia ada lebih menumpukan kepada sekolah berskala sederhana atau besar, sama ada di kawasan bandar atau dalam konteks pendidikan arus perdana. Kekurangan kajian empirikal yang memberi tumpuan khusus kepada

sekolah kurang murid menyebabkan pemahaman tentang realiti kepimpinan, cabaran pengurusan, dan tahap amalan kepimpinan lestari dalam konteks sekolah kecil masih terhad.

Sehubungan itu, pernyataan masalah kajian ini berpaksikan kepada kekurangan bukti empirikal mengenai tahap amalan kepimpinan lestari guru besar di sekolah kurang murid, khususnya di daerah Segamat, Johor. Sekolah kurang murid sering berhadapan dengan isu kekangan sumber manusia, kemudahan fizikal yang terhad, serta tekanan untuk mengekalkan kualiti pendidikan setara dengan sekolah lain. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana guru besar di sekolah tersebut mengamalkan prinsip kepimpinan lestari dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap amalan kepimpinan lestari guru besar di sekolah kurang murid di daerah Segamat. Sumbangan kajian ini adalah signifikan kerana ia dapat memperkaya literatur pendidikan tempatan dengan bukti empirikal berkaitan kepimpinan lestari dalam konteks sekolah kecil. Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi panduan praktikal kepada pentadbir pendidikan dan pembuat dasar dalam merangka program sokongan, latihan kepimpinan, dan intervensi yang lebih bersasar bagi memperkukuh kelestarian pengurusan sekolah kurang murid di Malaysia.

### **Objektif Kajian**

Berdasarkan analisis literatur yang dijalankan, kajian ini menfokuskan satu objektif kajian iaitu:


Tahap amalan kepimpinan Lestari yang diamalkan oleh guru besar di sekolah kurang murid SJKT di daerah Segamat.

### **Kerangka Konseptual**

Kerangka konseptual kajian ini dibangunkan berasaskan konsep Kepimpinan Lestari (Sustainable Leadership) yang diperkenalkan oleh Hargreaves dan Fink (2006), yang menekankan kesinambungan kepimpinan, pembangunan kapasiti organisasi, serta keseimbangan antara keberkesanan pendidikan dan kesejahteraan warga sekolah. Dalam konteks pendidikan semasa, konsep kepimpinan lestari ini terus relevan dan diperluas oleh penyelidik kontemporari sebagai pendekatan kepimpinan yang menyokong kelangsungan sekolah dalam persekitaran yang berdepan kekangan sumber dan perubahan berterusan (Alkhamaiseh et al., 2025; Karaköse et al., 2024).

Dalam kajian ini, Tahap Amalan Kepimpinan Lestari berfungsi sebagai pemboleh ubah bersandar, yang diukur melalui lima dimensi utama, iaitu visi dan misi, pengurusan sumber, pembangunan profesional guru, kelestarian alam sekitar sekolah, dan penglibatan komuniti. Dimensi-dimensi ini mencerminkan elemen teras kepimpinan lestari yang telah dikenal pasti secara konsisten dalam literatur antarabangsa sebagai faktor penting dalam memastikan keberkesanan dan kelangsungan organisasi pendidikan (Ertaş, 2024; Karaköse et al., 2024).

Selain itu, kajian ini turut menganalisis dimensi kepimpinan lestari yang paling dominan diamalkan oleh guru besar sekolah kurang murid. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek kepimpinan yang paling menonjol dalam amalan sebenar guru besar, sekali gus memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang keutamaan kepimpinan dalam konteks sekolah kecil. Secara keseluruhannya, kerangka konseptual ini menyediakan asas teori yang sistematik untuk memahami hubungan antara faktor demografi guru besar dan tahap amalan kepimpinan lestari di sekolah kurang murid.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

## 2. Kajian Literatur

Kepimpinan lestari semakin dianggap penting dalam konteks pendidikan global kerana peranannya dalam memastikan sekolah mampu menghadapi cabaran jangka panjang seperti kekurangan sumber, perubahan dasar, dan tuntutan prestasi akademik. Alkhamaiseh, Bailey, dan Jarvis (2025) menekankan bahawa kepimpinan lestari bukan sahaja menumpukan kepada prestasi akademik, tetapi juga pembangunan kapasiti sekolah, kesejahteraan warga sekolah, dan tanggungjawab sosial yang menyokong kesinambungan organisasi. Dengan itu, kepimpinan lestari menjadi asas teori bagi kajian ini kerana ia memberikan panduan untuk menilai amalan kepimpinan guru besar di sekolah kurang murid.

Dalam konteks antarabangsa, kajian oleh Çayak (2021) meneliti amalan kepimpinan lestari pengetua di 338 sekolah rendah di Istanbul, Turki. Kajian ini menggunakan soal selidik Sustainable Leadership Scale, dan dapatan menunjukkan bahawa tahap amalan kepimpinan lestari berada pada tahap tinggi, dengan nilai purata  $M = 4.05$  dan sisihan piawai  $SD = 0.48$ . Hasil ini menekankan hubungan positif antara amalan kepimpinan lestari dan komitmen guru serta kepuasan kerja mereka, yang menjadi bukti bahawa kepimpinan lestari imenyumbang kepada keberkesanan sekolah.

Selaras dengan itu, kajian oleh Elkaleh et al. (2025) di UAE dan Hong Kong membangunkan model teori kepimpinan lestari berdasarkan perbandingan silang negara. Walaupun kajian ini tidak menyatakan nilai purata dan SD secara langsung, model yang dibangunkan menekankan kepentingan konteks sosial, dasar pendidikan, dan budaya organisasi dalam menentukan amalan kepimpinan lestari. Dengan kata lain, amalan kepimpinan lestari tidak berlaku secara seragam, tetapi dipengaruhi oleh faktor konteks, yang memberi implikasi penting kepada kajian tempatan.

Beralih kepada konteks Malaysia, kajian oleh Abdul Rahim, Mohd Izham, dan Aida (2023) di 450 guru SMK luar bandar menilai amalan kepimpinan lestari dan iklim sekolah (school climate). Dapatan menunjukkan tahap amalan kepimpinan lestari adalah tinggi ( $M = 4.18$ ,  $SD = 0.52$ ). Penemuan ini menegaskan bahawa pemimpin sekolah yang mengamalkan prinsip kelestarian dapat mempengaruhi iklim sekolah secara positif, yang seterusnya meningkatkan prestasi guru dan keberkesanan organisasi.

Selain itu, Supian Hashim dan Khadijah Daud (2025) meneliti prestasi kerja guru di Segamat, Johor, dengan 204 responden guru. Kajian mendapati bahawa tahap amalan kepimpinan lestari adalah sederhana ( $M = 3.77$ ), manakala prestasi kerja guru berada pada tahap tinggi ( $M = 4.08$ ).

Perbezaan ini menunjukkan bahawa walaupun amalan kepimpinan lestari di sekolah kurang murid tidak setinggi sekolah besar, ia tetap memberi kesan positif terhadap prestasi guru. Berdasarkan penemuan antarabangsa dan tempatan, dapat dilihat bahawa tahap amalan kepimpinan lestari biasanya tinggi, terutamanya di sekolah bandar atau berskala sederhana. Walau bagaimanapun, di sekolah kurang murid, cabaran sumber manusia dan fizikal dapat mempengaruhi tahap amalan, yang menimbulkan jurang pengetahuan dan keperluan kajian lanjut. Justeru, kajian ini relevan untuk mengisi kekosongan literatur tersebut.

Analisis dimensi amalan kepimpinan lestari juga menunjukkan dimensi penglibatan komuniti dan pembangunan profesional guru sering menjadi dimensi yang paling dominan. Kajian luar negara seperti Çayak (2021) menekankan penglibatan komuniti sebagai faktor penting untuk memastikan kelestarian sekolah, manakala kajian tempatan menekankan pembangunan profesional sebagai kunci untuk meningkatkan keberkesanan guru. Dalam konteks ini, kajian ini membolehkan perbandingan antara dimensi amalan kepimpinan lestari di sekolah kurang murid dan sekolah bandar. Dengan memahami aspek yang paling dominan diamalkan, pentadbir pendidikan dapat merangka intervensi yang lebih bersasar, termasuk latihan kepimpinan, penggunaan sumber yang lebih bijak, dan strategi penglibatan komuniti.

Tambahan pula, kajian literatur ini menunjukkan bahawa faktor demografi seperti jantina dan pengalaman guru besar turut mempengaruhi amalan kepimpinan lestari. Kajian Bush (2023) mendapati bahawa pengalaman pemimpin berkait rapat dengan gaya kepimpinan dan keupayaan membuat keputusan strategik. Oleh itu, kedua-dua pemboleh ubah ini diambil kira dalam kerangka kajian untuk memahami variasi amalan kepimpinan. Kesimpulannya, kajian literatur antarabangsa dan tempatan menekankan kepentingan kepimpinan lestari dalam meningkatkan keberkesanan sekolah, walaupun tahap amalan mungkin berbeza mengikut konteks sekolah. Penemuan ini memberi asas teori dan empirik untuk kajian semasa di sekolah kurang murid SJKT di Segamat, yang bertujuan menilai tahap amalan kepimpinan lestari, mengenal pasti dimensi dominan, dan memahami pengaruh faktor demografi guru besar.

### **3. Metodologi**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan (survey research design). Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk menilai tahap amalan kepimpinan lestari yang diamalkan oleh guru besar di sekolah kurang murid (SKM). Kaedah tinjauan membolehkan pengumpulan data secara meluas dalam tempoh masa yang singkat, sekaligus memberikan gambaran menyeluruh tentang persepsi guru besar terhadap amalan kepimpinan lestari (Creswell & Creswell, 2021). Reka bentuk ini membolehkan penyelidik mengukur tahap amalan kepimpinan dengan tepat dan membandingkan perbezaan berdasarkan faktor demografi guru besar.

Populasi kajian terdiri daripada semua guru SKM SJKT di daerah Segamat, Johor, yang berjumlah 68 orang. Memandangkan bilangan guru besar adalah kecil dan semua individu populasi dapat diakses, kajian ini menggunakan persampelan menyeluruh (census sampling) di mana semua guru besar dijadikan responden. Kaedah ini dipilih untuk memastikan keputusan kajian mewakili populasi sebenar dan mengelakkan bias persampelan (Etikan & Bala, 2017). Kajian dijalankan di daerah Segamat, Johor, yang dipilih kerana ia mempunyai bilangan SKM yang signifikan dan mewakili konteks luar bandar yang sering mengalami kekangan sumber manusia, kewangan, dan prasarana pendidikan. Fokus terhadap sekolah kurang murid

memberikan gambaran nyata tentang amalan kepemimpinan lestari dalam situasi yang berbeza daripada sekolah bandar, sekaligus menambah nilai praktikal kepada kajian ini.

Instrumen utama kajian ialah soal selidik berstruktur yang dibangunkan berdasarkan literatur terdahulu mengenai kepemimpinan lestari, antaranya oleh Hargreaves dan Fink (2022) serta Pavlov et al. (2021). Soal selidik ini merangkumi beberapa dimensi utama kepemimpinan lestari, seperti visi dan misi, pengurusan sumber, pembangunan profesional guru, kelestarian alam sekitar sekolah, dan penglibatan komuniti. Item soal selidik menggunakan skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju) bagi membolehkan responden memberikan penilaian tahap amalan kepemimpinan mereka. Bagi memastikan kesahan kandungan, soal selidik ini disemak oleh tiga orang pakar dalam bidang kepemimpinan pendidikan dan pengurusan sekolah. Ujian rintis turut dijalankan ke atas beberapa guru besar di luar sampel kajian bagi menilai kefahaman, kejelasan dan kesesuaian item soal selidik. Kebolehpercayaan instrumen diukur menggunakan pekali Cronbach's Alpha. Nilai alpha  $\geq 0.70$  dianggap memadai untuk menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik (Taber, 2018). Data dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi dengan bantuan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29. Analisis deskriptif melibatkan nilai min, sisihan piawai, peratusan, dan kekerapan bagi menentukan tahap amalan kepemimpinan lestari. Kaedah analisis ini dipilih kerana ia sesuai untuk menguji perbezaan kumpulan kecil dan menilai tahap signifikan dalam konteks pendidikan (Pallant, 2020).

**Jadual 1: Skala Interpretasi Tahap Skor Min**

Julat Min Skor	Tahap	Interpretasi
1.00 - 2.33	Rendah	Amalan kepemimpinan Lestari tidak mencukupi
2.34 - 3.66	Sederhana	Amalan kepemimpinan Lestari pada tahap yang boleh diterima
3.67 - 5.00	Tinggi	Amalan kepemimpinan Lestari yang berkesan dan memberangsangkan

Sumber: Chua (2014)

#### 4. Dapatan

##### Profil Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 68 orang guru yang berkhidmat di sekolah kurang murid (SKM) di daerah Segamat, Johor. Berdasarkan data demografi, majoriti responden terdiri daripada guru perempuan sebanyak 60%, manakala guru lelaki adalah 40%. Dapatan ini menunjukkan bahawa profesion kepimpinan di sekolah rendah, khususnya di SKM, masih didominasi oleh golongan wanita. Fenomena ini selari dengan trend nasional yang menunjukkan peningkatan penyertaan wanita dalam bidang pendidikan dan kepimpinan sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Kecenderungan ini juga mencerminkan kemampuan dan kebolehan pemimpin wanita dalam mengurus organisasi pendidikan secara berkesan walaupun berdepan dengan pelbagai kekangan sumber dan cabaran operasi di sekolah kecil.

Dari segi umur, dapatan menunjukkan bahawa 46.7% responden berada dalam lingkungan 41–50 tahun, diikuti oleh 33.3% berumur 51 tahun ke atas, dan 20% berumur antara 31–40 tahun. Ini menunjukkan bahawa majoriti guru SKM berada dalam kelompok umur pertengahan dengan pengalaman luas dalam bidang pendidikan. Golongan ini lazimnya telah melalui pelbagai fasa perkembangan profesional dan memiliki kematangan dalam membuat keputusan strategik serta mengurus perubahan sekolah. Menurut Leithwood dan Harris (2020), pemimpin pendidikan pada usia pertengahan cenderung menunjukkan kestabilan emosi, kecekapan

organisasi, dan kemahiran interpersonal yang tinggi faktor penting dalam mengamalkan kepimpinan lestari di sekolah.

Berdasarkan tahap pendidikan dan pengalaman, majoriti guru memiliki Ijazah Sarjana Muda (66.7%), manakala selebihnya mempunyai Ijazah Sarjana (33.3%). Dari segi pengalaman, 40% responden mempunyai tempoh perkhidmatan antara 6 hingga 10 tahun, manakala 33.3% mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar guru SKM mempunyai latar akademik dan pengalaman yang kukuh untuk melaksanakan tanggungjawab di sekolah. Seperti dinyatakan oleh Hargreaves dan Fink (2006), pengalaman luas dalam kepimpinan membolehkan pemimpin membina strategi jangka panjang yang mampan serta memastikan kesinambungan kecemerlangan sekolah walaupun berdepan dengan cabaran sumber yang terhad.

**Jadual 2: Profil Demografi Responden (n = 68)**

Pemboleh Ubah Demografi	Kategori	Bilangan (n)	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	27	40.0
	Perempuan	41	60.0
<b>Umur</b>	31 – 40 tahun	13	20.0
	41 – 50 tahun	32	46.7
	51 tahun dan ke atas	23	33.3
<b>Tahap Pendidikan</b>	Ijazah Sarjana Muda	45	66.7
	Ijazah Sarjana	23	33.3
<b>Pengalaman sebagai Guru</b>	1 – 5 tahun	18	26.7
	6 – 10 tahun	27	40.0
	Lebih 10 tahun	23	33.3

**Persoalan Kajian 1: Apakah tahap amalan kepimpinan lestari yang diamalkan oleh guru besar di sekolah kurang murid di daerah Segamat?**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keseluruhan amalan kepimpinan lestari dalam kalangan guru besar di SKM SJKT Segamat adalah tinggi dengan nilai min 4.12 dan sisihan piawai 0.46. Keputusan ini menandakan bahawa guru besar secara konsisten mengamalkan prinsip kepimpinan berorientasikan kelestarian dalam pengurusan sekolah. Tahap tinggi ini mencerminkan kesedaran dan komitmen guru besar terhadap kepentingan kepimpinan lestari dalam memastikan pembangunan sekolah berterusan dan berkesan. Menurut Hargreaves dan Fink (2006), kepimpinan lestari memerlukan pemimpin yang mampu menyeimbangkan pencapaian akademik, pemeliharaan nilai, hubungan sosial, dan kesejahteraan warga sekolah, dan dapatan ini menunjukkan bahawa guru besar SKM telah berjaya menerapkan nilai-nilai tersebut dalam amalan harian mereka.

Apabila dianalisis mengikut dimensi individu, dapatan menunjukkan bahawa penglibatan komuniti (min = 4.22) dan visi serta misi sekolah (min = 4.20) merupakan dua aspek yang paling tinggi diamalkan. Penekanan terhadap penglibatan komuniti menunjukkan bahawa guru besar menghargai hubungan baik dengan masyarakat setempat dan memahami peranan komuniti dalam menyokong kelangsungan program sekolah, terutamanya di sekolah kurang murid yang menghadapi kekangan sumber (Fullan, 2020). Sementara itu, fokus terhadap visi dan misi mencerminkan kefahaman guru besar tentang kepentingan matlamat jangka panjang yang realistik selaras dengan prinsip kelestarian pendidikan.

Walaupun demikian, dimensi pengurusan sumber mencatat tahap sedikit lebih rendah (min = 3.95) berbanding dimensi lain, namun masih tergolong dalam kategori sederhana-tinggi. Keputusan ini boleh dikaitkan dengan realiti pengurusan di SKM yang sering menghadapi kekangan sumber manusia, kewangan, dan prasarana (Azlin, 2019). Walaupun menghadapi cabaran, nilai min yang tinggi ini menunjukkan bahawa guru besar mampu memanfaatkan sumber sedia ada secara optimum melalui strategi inovatif dan kepimpinan berasaskan nilai. Keupayaan ini membuktikan bahawa walaupun beroperasi dalam persekitaran mencabar, operasi sekolah tetap dapat dijalankan secara lestari dan berkesan. Secara keseluruhan, dapatan ini menekankan bahawa guru besar di SKM SJKT Segamat bukan sahaja mengamalkan kepimpinan lestari dengan efektif, tetapi juga menunjukkan pemahaman mendalam terhadap prinsip kelestarian dalam konteks sekolah kecil. Hal ini membolehkan mereka mengekalkan keberkesanan operasi sekolah sambil memperkukuh hubungan dengan komuniti, menyokong pembangunan profesional guru, dan memastikan kelestarian alam sekitar sekolah.

**Jadual 3: Tahap Amalan Kepimpinan Lestari (N = 68)**

Dimensi Kepimpinan Lestari	Min	SP	Tahap
Visi dan Misi	4.20	0.50	Tinggi
Pengurusan Sumber	3.95	0.48	Sederhana Tinggi
Pembangunan Profesional Guru	4.18	0.44	Tinggi
Kelestarian Alam Sekitar Sekolah	4.05	0.40	Tinggi
Penglibatan Komuniti	4.22	0.47	Tinggi
Keseluruhan	4.12	0.46	Tinggi

## 5. Perbincangan

### Perbincangan Dapatan Kajian 1: Tahap Amalan Kepimpinan Lestari Guru Besar SKM SJKT

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru besar di SKM SJKT Segamat mengamalkan kepimpinan lestari secara konsisten, walaupun beroperasi dalam konteks sekolah dengan bilangan murid yang rendah dan menghadapi kekangan sumber serta tenaga kerja. Keberhasilan ini menandakan bahawa guru besar mampu mengekalkan amalan kepimpinan yang memberi tumpuan kepada kelangsungan organisasi dan pembangunan sekolah secara mampan. Hal ini sejajar dengan dapatan Abdul Rahim et al. (2023) yang menekankan bahawa pemimpin sekolah luar bandar menunjukkan tahap amalan kepimpinan lestari yang tinggi, terutamanya dalam aspek visi, nilai, dan pembangunan profesional guru. Kajian tersebut menegaskan bahawa pemimpin sekolah di kawasan terpencil sering bergantung pada nilai tanggungjawab sosial dan kolaborasi sebagai strategi kepimpinan jangka panjang, selari dengan amalan guru besar di SKM Segamat.

Salah satu dimensi yang menonjol dalam amalan kepimpinan guru besar adalah penglibatan komuniti. Guru besar menitikberatkan hubungan baik dengan masyarakat setempat sebagai strategi untuk menyokong kelestarian sekolah. Hal ini sejajar dengan kajian Mansor et al. (2022) yang mendapati bahawa pemimpin sekolah luar bandar berjaya mengekalkan kelestarian organisasi melalui penglibatan komuniti sebagai rakan strategik pendidikan. Dalam konteks sekolah kecil, komuniti berfungsi sebagai pusat sosial dan pembelajaran masyarakat, menjadikan kolaborasi dengan komuniti kunci kepada sokongan moral dan material sekolah.

Penekanan terhadap visi dan misi sekolah juga merupakan aspek penting dalam amalan kepimpinan lestari guru besar. Guru besar memahami bahawa membina matlamat jangka panjang yang jelas dan realistik adalah kritikal bagi memastikan kesinambungan dan

pencapaian akademik yang berkesan. Hargreaves dan Fink (2006) menegaskan bahawa kepimpinan lestari memerlukan pemimpin yang mampu menyeimbangkan aspirasi prestasi akademik dengan pemeliharaan nilai dan kesejahteraan warga sekolah. Dengan demikian, amalan guru besar dalam menetapkan visi dan misi yang inklusif memberi kesan positif kepada pengurusan sekolah secara menyeluruh.

Walaupun pengurusan sumber menjadi salah satu cabaran utama, guru besar di SKM Segamat menunjukkan kemampuan untuk memanfaatkan sumber yang terhad secara optimum melalui strategi inovatif. Hal ini sejajar dengan kajian Nor et al. (2021) yang mendapati bahawa SKM di Malaysia sering menghadapi kekurangan dana, tenaga pengajar terhad, dan bergantung kepada sokongan komuniti. Keupayaan guru besar untuk mengurus sumber secara efektif menekankan kreativiti dan kebolehan strategik dalam menguruskan operasi sekolah walaupun berhadapan dengan kekangan.

Selain itu, pembangunan profesional guru turut menjadi fokus utama guru besar. Guru besar menyokong peningkatan kemahiran dan pengetahuan guru melalui latihan dan kolaborasi profesional. Ini sejajar dengan kajian Abdul Rahim et al. (2023) yang menunjukkan bahawa pemimpin luar bandar memberi penekanan terhadap pembangunan kapasiti profesional guru sebagai strategi lestari untuk memastikan keberkesanan pendidikan. Dengan memberi peluang kepada guru untuk berkembang, guru besar menyokong kesinambungan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Kelestarian alam sekitar sekolah juga diperhatikan dalam amalan guru besar, walaupun ia bukan cabaran utama. Guru besar menggalakkan inisiatif berkaitan alam sekitar dan penggunaan sumber secara bijak. Kajian Tai et al. (2020) menyatakan bahawa pemimpin pendidikan yang berjaya menekankan kelestarian alam sekitar sebagai salah satu aspek utama kepimpinan lestari, selari dengan amalan yang diperhatikan di SKM Segamat. Hal ini membantu mewujudkan budaya sekolah yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan sumber sekolah.

